

ALLERGO-COMOD[®] EYE DROPS

Sodium Cromoglycate (20 mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apa kegunaan Allergo-COMOD
2. Bagaimana Allergo-COMOD berfungsi
3. Sebelum menggunakan Allergo-COMOD
4. Cara menggunakan Allergo-COMOD
5. Semasa menggunakan Allergo-COMOD
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Allergo-COMOD
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apa kegunaan Allergo-COMOD

Allergo-COMOD digunakan untuk rawatan alahan mata seperti demam hay dan konjunktivitis.

Bagaimana Allergo-COMOD berfungsi

Allergo-COMOD mengandungi ubat anti-alahan yang bertindak dengan menghalang pembebasan bahan semula jadi dalam badan anda yang boleh menyebabkan tindak balas alahan.

Sebelum menggunakan Allergo-COMOD

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan jika anda mempunyai hipersensitiviti kepada sodium cromoglycate atau bahan lain yang terkandung dalam produk ini.

Kanta sentuh tidak boleh dipakai semasa rawatan dengan ubat mata Allergo-COMOD.

-Sebelum menggunakan Allergo-COMOD

Maklumkan doktor anda jika anda hamil atau menyusui. Walaupun tiada maklumat berkaitan kesan terhadap bayi, titisan mata Allergo-COMOD tidak disyorkan untuk digunakan dalam tiga bulan pertama kehamilan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Allergo-COMOD

- Tanggalkan penutup muncung botol.
- Condongkan kepala anda ke belakang. Tarik kelopak mata bawah dengan menggunakan jari. Picit perlahan-lahan satu titis ke permukaan terdedah pada kelopak mata bawah dan elakkan sebarang sentuhan botol dengan mata atau kulit. Tutup botol dengan berhati-hati.

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk orang dewasa dan kanak-kanak umur 4 tahun ke atas:

Dos biasa ialah 1 titis empat kali sehari.

Keselamatan dan keberkesanan pada kanak-kanak di bawah umur 4 tahun belum dibuktikan.

-Bila perlu digunakan

Gunakan empat kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jangan hentikan rawatan dengan ubat titis mata Allergo-COMOD selepas gejala bertambah baik. Gunakan ubat ini secara berterusan sehingga anda tidak lagi terdedah kepada alergen (debunga, habuk rumah, acuran, dan lain-lain.).

-Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan kemudian teruskan menggunakan ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

-Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Terlebih dos dijangka tidak akan berlaku sekiranya Allergo-COMOD digunakan dengan betul. Sehingga kini, tiada kes terlebih dos yang diketahui.

Semasa menggunakan Allergo-COMOD

-Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan ubat titis mata Allergo-COMOD.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan ubat titis mata Allergo-COMOD kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Sejurus selepas menggunakan ubat titisan mata Allergo-COMOD, penglihatan akan menjadi kabur untuk sementara yang akan menjejaskan masa tindak balas. Jangan memandu atau mengendalikan mesin sehingga penglihatan anda pulih.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, titisan mata Allergo-COMOD boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

ALLERGO-COMOD[®] EYE DROPS

Sodium Cromoglycate (20 mg/ml)

Rasa terbakar sementara, rasa seperti "pasir di mata", peningkatan aliran darah dan kerengsaan mata telah dilaporkan tetapi jarang berlaku.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Allergo-COMOD

- Penyimpanan

Gunakan sebelum tarikh luput (dicetak pada karton pembungkusan).

Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C.

Jangan gunakan Allergo-COMOD lebih lama daripada 12 minggu selepas botol dibuka.

- Pelupusan

Jangan melupuskan ubat melalui air buangan atau sampah isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak digunakan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Allergo-COMOD ialah titisan mata jernih, tidak berwarna hingga kekuningan yang diisi dalam botol plastik penitis 10ml.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap ml mengandungi 20mg sodium cromoglycate.

- Bahan tidak aktif

Bahan-bahan lain ialah *disodium edetate*, *sorbitol*, air untuk suntikan.

Nota: Allergo-COMOD tiada bahan pengawet

- Nombor MAL:

MAL20000024ACZ

Pengilang

Ursapharm Arzneimittel GmbH
Industriestraße
66129 Saarbrücken/ Germany

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte Malaysia Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

14/4/2023

Nombor Siri

NPRA (R4/1)230323/00033